

# Sistem sokongan pacu bakat wanita dalam industri animasi



Profesor Madya  
bidang Multimedia  
Kreatif, Universiti  
Utara Malaysia  
Kampus  
Kuala Lumpur  
(UUMKL)

Oleh Prof Madya Dr Norbayah Mohd Suki  
bhrencana@bh.com.my

**Sempena** sambutan Hari Wanita Antarabangsa, peranan wanita dalam pelbagai sektor strategik wajar terus diraikan, termasuk dalam industri animasi yang semakin penting dalam landskap ekonomi kreatif negara.

Tatkala ekonomi kreatif semakin diangkat sebagai sumber pertumbuhan baharu, animasi wajar diberi perhatian lebih serius kerana kaya dengan nilai seni dan berpotensi besar dari segi komersial.

Dalam kerangka ini, wanita kini berada di barisan penciptaan, produksi dan kepimpinan yang membantu menggerakkan animasi negara serta memperkukuh ekonomi kreatif. Tanggapan industri animasi hanya digerakkan oleh kelompok yang terhad wajar dinilai semula.

Wanita kini memainkan peranan dalam pelbagai lapisan rantaian nilai industri, sama ada sebagai pelukis konsep, pereka watak, animator, penulis skrip, penyunting, pengarah seni, penerbit, pengurus produksi mahupun pengasas studio.

Kehadiran mereka bukan sekadar menambah penyertaan tenaga kerja, tetapi turut memperkaya mutu karya dan memperluas keupayaan industri.

Animasi bukan bidang kreatif yang berdiri sendiri. Ia bersambung rapat dengan pembangunan kandungan digital, permainan video, pengiklanan, pendidikan, penjenamaan, penerbitan dan pemilikan harta intelek.

Apabila wanita diperkasa dalam animasi, kesannya turut melimpah ke seluruh ekosistem ekonomi kreatif. Dalam ekonomi masa kini, kekuatan se-

buah negara bukan hanya ditentukan oleh apa yang dikeluarkan secara fizikal, tetapi juga oleh idea, cerita, imej dan kandungan yang mampu menjana nilai merentas pasaran.

Di sinilah penyertaan wanita membawa nilai signifikan. Dalam dunia animasi, kekuatan bukan semata-mata pada teknologi atau perisian yang digunakan, tetapi pada keupayaan mencipta cerita yang menyentuh emosi, watak yang dekat dengan penonton dan dunia visual yang beridentiti.

Penyertaan wanita membantu memperluas sudut pandang, memperkayakan penceritaan dan mengukuhkan disiplin produksi dalam industri animasi. Nilai ini ialah aset yang meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran kandungan.

Memperkasa wanita dalam animasi bukan sekadar membuka ruang pekerjaan, tetapi memperluas sumber idea, kepemimpinan dan nilai komersial dalam ekonomi kreatif. Lebih pelbagai bakat bererti lebih luas kemungkinan karya, lebih kaya harta intelek dan lebih besar potensi pasaran. Kehadiran ramai wanita di meja penciptaan sekaligus menjadikan kandungan tempatan lebih kaya, relevan dan berupaya menembusi pasaran lebih besar.

## Persaingan makin sengit

Hal ini penting kerana industri animasi masa kini tidak lagi boleh bergantung pada keupayaan teknikal semata-mata. Persaingan semakin sengit dan kejayaan sesebuah karya sangat bergantung pada keaslian idea, kekuatan identiti dan kemampuan membina harta intelek yang berdaya maju.

Malaysia memerlukan pendekatan yang lebih tersusun jika benar-benar mahu menjadikan animasi sebagai antara cabang utama ekonomi kreatif. Pembangunan bakat tidak boleh berhenti pada

latihan asas, tetapi perlu meliputi bimbingan profesional, akses kepada rangkaian industri, laluan kepimpinan dan peluang membina syarikat atau studio sendiri.

Bagi ramai wanita, cabaran bukan hanya untuk memasuki industri, tetapi untuk kekal, berkembang dan memimpin dalam ekosistem yang sangat menuntut dari segi masa, kreativiti dan daya tahan.

Justeru, perbincangan mengenai wanita dalam animasi tidak sepatutnya berhenti pada naratif kejayaan individu semata-mata. Yang lebih penting ialah pembinaan sistem sokongan yang membolehkan lebih ramai bakat wanita berkembang.

Ini termasuk persekitaran kerja yang sihat, jaringan mentor yang kukuh, laluan kemajuan kerjaya yang jelas, serta pengiktirafan yang setimpal terhadap sumbangan mereka dalam penciptaan dan pengurusan projek.

Dalam ekonomi kreatif, kehilangan bakat bererti kehilangan potensi karya, kehilangan inovasi dan kehilangan nilai komersial yang sepatutnya boleh dibangunkan untuk jangka panjang.

Lebih jauh daripada itu, wanita dalam animasi juga penting dari sudut pembinaan generasi pelapis. Apabila lebih ramai wanita berjaya sebagai animator, penulis, penerbit atau pemimpin studio, mereka membuka imaginasi baharu kepada generasi muda bahawa bidang kreatif ialah kerjaya bermaruah, profesional dan bernilai ekonomi.

Sudah tiba masanya wanita dalam animasi dilihat sebagai komponen teras dalam strategi pembangunan industri. Negara memerlukan lebih banyak karya yang lahir daripada kepelbagaian pengalaman, lebih banyak kepimpinan wanita dalam struktur industri dan lebih luas ruang untuk mereka membina harta intelek yang mampu bersaing di peringkat serantau dan global.